



Kalam Ramadan 1440H




Sentuhan Ramadan



Ramadan Bersama Rasul yang Rahmah

Isi Kandungan

	MS
Kata Pengantar	2
Program Pra Ramadan	4
Nutrisi Rohani	6
Jadual Ramadan	8
Jurnal Ramadan-ku	14
Imam & Bilal Terawih	16
Nutrisi Jasmani	18
Program Umum	20
Program Tadika	22
Program Madrasah	23
Program Belia	23
Khidmat Ramadan	24
Memori Ramadan 1439H	26
Solat Eidul Fitri	27
Tajaan Ramadan	28
Dana Wakaf Khas	29
Sekadar Renungan	30
Imsakiah Ramadan	32

Imbas kod QR ini untuk
memuat turun versi PDF
Kalam Ramadan!



Kata Pengantar

Ustaz Ziyaudeen Ahmed Sirajudeen
Imam Eksekutif, Ketua Jabatan Dakwah
Masjid Darul Makmur



Saudara sekalian, marilah kita bersyukur atas pemberian Allah Subhanahu Wata'ala kerana peluang yang diberikan untuk kita bertemu bulan Ramadan tahun ini. Bulan yang penuh barakah; yang mana awalnya adalah Rahmah, pertengahannya Pengampunan; yang merupakan sebahagian dari Rahmah dan akhirnya pembebasan dari neraka; yang juga merupakan manifestasi sifat rahmah Rabbul 'Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

﴿ وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلَّ شَيْءٍ ﴾

Dan RahmahKu meliputi segala sesuatu (Surah Al A'raf: Ayat 156)

Allah Subhanahu Wata'ala juga berfirman dalam Surah Al-Anbiya' Ayat 107 yang bermaksud, bahawa Allah Jalla Sha'nuhu telah mengutus Rasul junjungan kita Sallallahu 'alaihi Wasallam sebagai rahmah bagi seluruh alam.

Prof Quraish Shihab dalam Tafsir AlMisbahnya, menafsirkan perkataan rahmah, bahawa ianya meliputi Rahmah Allah Subhanahu Wata'ala untuk semua makhlukNya baik yang beriman dan tidak, yang ada perasan dan tiada, dan RahmahNya juga di Dunia dan di Akhirat.

Kita dapat belajar sifat Rahmah dari Nabi kita apabila beliau mengalami penderitaan dan penganiayaan dari penduduk Thaif sehingga datangnya malaikat penjaga gunung menawarkan jasa untuk membalas perilaku penduduk Thaif dengan menimpakan dua gunung besar keatas mereka. Namun baginda Sallallahu 'alaihi Wasallam menolak tawaran tersebut, bahkan mendoakan mereka yang telah menyakitinya. Dapat kita faham, bahawa sifat rahmah sangat luas maknanya dan ia merupakan ibu segala sifat murni yang merangkumi pemaafan, menutup aib seseorang, kasih sayang dan sebagainya.

Kita sering menyaksikan seorang ibu memaafkan malah mendoakan untuk anaknya yang menderhaka. Dan sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala lebih sayang kepada hambaNya, melebihi sayangnya seorang ibu kepada anaknya. Ini lah dia pemberianNya untuk Umat Rasul Sallallahu 'alaihi Wasallam, Rahmah Ilahi dalam bentuk Ramadan, hanya datang untuk menghapuskan segala dosa kita dan menambahkan hati kita dengan Nur Al Quran.

Masjid Darul Makmur telah menetapkan Tema Masjid buat Ramadan ini 1440H/2019: **Ramadan Bersama Rasul Yang Rahmah**. Marilah kita mengambil kesempatan ini untuk mencontohi tauladan beliau dengan memupuk sifat rahmah dalam diri dan menzahirkannya kepada semua bermula dari keluarga dan saudara, jiran dan teman, dan seterusnya kepada masyarakat umum. Secocok dengan Tema MUIS: **Sebarkan Rahmah : Ramadan bersama Jiran, Raikan bersama keluarga dan masyarakat**.

Semoga Ramadan ini membawa lebih keinsafan kepada diri, mahabbah dalam keluarga dan keharmonian dalam negara.

Selamat Menyambut Bulan Ramadan - كل عام وأنتم بخير



Program Dra Ramadan

Ceramah Persiapan Ramadan

22 April, Isnin

Ustaz Ahmad Haris Suhaimi
"Puasa Itu Pusat Latihan Nafsu"



23 April, Selasa

Ustaz Md Nazim Rahuma Dulla
"Akhlaq Orang Yang Berpuasa"



24 April, Rabu

Ustaz Md Eqbal Affandi
"Memeriahkan Rumah Dalam Menyambut Ramadan"



26 April, Jumaat

Ustaz Md Zuhaili Md Yusof
"Ramadan: Ibadah vs Juadah"



27 April, Sabtu

Ustaz Dr Leyakat Ali Md Omar
"Ramadan: Sekadar Mencari Pahala?"



29 April, Isnin

Ustaz Khairil Amri Abdul Hamid
"Gandakan Sedekah Di Bulan Ramadan"



30 April, Selasa

Ustaz Md Safwan Ismani
"Jika Syaitan Dikat, Kenapa Masih Ada Maksiat?"



01 Mei, Rabu

Ustaz Md Khairi Nazron
"Berkatnya Sahur IndahNya Berbuka"



03 Mei, Jumaat

Ustaz Md Basyir Abdul Rahim
"Mengurus Emosi Ketika Bepuasa"



04 Mei, Sabtu

Ustaz Md Hanafie Md Yusoff
"Doa-Doa Ramadan"



Kunjungan Muhibbah

Blok 296 - 299

Menziarahi 420 unit kejiranan

3 Mei, Jumaat

Bagi yang berminat menjadi sukarelawan,
sila hubungi talian 6852 8350 (Ustaz Fazli).

Hadith Jiran

Dari **Sayyidina Ibn Umar RA:**
Rasulullah Sallaahu 'alaihi Wasallam
bersabda: "Tidak henti-hentinya Jibril
memberikan wasiat kepadaku supaya
berbuat baik kepada jiran sehingga aku
menyangka seolah-olah jiran akan mewarisi
harta pusaka."
(Hadith Sahih Muslim)

SUKARELAWAN RAMADAN

Kami memerlukan tenaga sukarelawan untuk tugas seperti berikut:

- Membungkus bubur setiap hari dari jam 9.30 pagi
- Menyiapkan juadah dan ruangan berbuka puasa
- Membersihkan ruang solat selepas berbuka puasa

Pada Jemaah yang berminat, sila hubungi Saudara Hakim di talian 6852 8350.

Dari **Abu Hurairah R.A, Rasulullah S.A.W** bersabda,
"Jika telah datang bulan Ramadan, pintu-pintu Syurga dibuka,
pintu-pintu Neraka ditutup, dan syaitan-syaitan dibelenggu."
(Hadith Riwayat Bukhari & Muslim)



Nutrisi Rohani

Bulan Ramadan adalah merupakan bulan mulia bagi umat Islam kerana di dalamnya terdapat banyak pahala-pahala dan keberkatan yang Allah SWT menjanjikan kepada umat Islam.

Dengan itu, marilah kita meneliti amalan dan doa-doa yang sering dibacakan pada bulan Ramadan dengan niat semoga Allah SWT mengabulkan amalan dan doa kita insya Allah!

Niat Berpuasa di Bulan Ramadan

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ فَرِيضَةِ شَهْرِ رَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Nawaitu souma ghodin 'an ada e fardhi syahri Ramadana hadzhihissanati lillahi ta'ala

Sahaja aku berpuasa esok hari fardhu di bulan Ramadan kerana Allah Ta'ala

Doa Buka Puasa di Bulan Ramadan

اللَّهُمَّ لَكَ صُمْتُ وَبِكَ آمَنْتُ وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Allahumma laka sumtu wabika aamantu wa 'ala rizqika affhortu birahmatika ya Arhamar Rohimin

Ya Allah, untuk Mu aku berpuasa dan dengan rezekiMu aku berbuka, Maha besar Allah yang Maha Pemurah dan lagi Maha Penyayang

Doa yang sangat digalakkan di bulan Ramadan

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي


Allahuma innaka 'afuwwun tuhibbul 'afwa fa'fu 'anni

Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf dan meyukai permintaan maaf, maka maafkanlah aku

I'tikaf

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَاخِرَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى قَبِضَهُ اللَّهُ ثُمَّ اعْتَكَفَ أَزْوَاجُهُ مِنْ بَعْدِهِ

Dari Aisyah R.A : "Nabi salallahu 'alaihi wasallam beri'tikaf pada sepuluh hari yang terakhir dari Ramadan, hingga wafatnya, kemudian isteri-isteri beliau pun beri'tikaf setelah kepergian beliau" (Hadith Riwayat Bukhari & Muslim)



**"Wahai orang-orang yang beriman!
Kamu diwajibkan berpuasa
sebagaimana diwajibkan atas
orang-orang yang dahulu daripada
kamu, supaya kamu bertaqwa."
Al-Baqarah 2: Ayat 183**

Jadual Ramadan

Alhamdulillah kita telah diberi peluang sekali lagi untuk beribadah pada bulan Ramadan pada tahun ini. Dengan itu, marilah kita sebagai umat Islam bersungguh-sungguh memanfaatkan kemuliaan dan keberkatan bulan ini kerana Ramadan hanya datang sekali setiap tahun!

Maka itu, berikut adalah jadual program-program pada bulan Ramadan tahun ini. Anda juga digalakkan untuk menambah program atau aktiviti yang bermanfaat di jadual ini.



Ramadan 1 - 10

1 Ramadan	6 Mei Isnin	2 Ramadan	7 Mei Selasa	3 Ramadan	8 Mei Rabu	4 Ramadan	9 Mei Khamis	5 Ramadan	10 Mei Jumaat
 <p>Bermula Berpuasa~</p> <p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>		<p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>		<p>Kuliah Fiqh Wanita Ustazah Suhanah Ahmad 9pg - 10.30pg</p> <p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>		<p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>		<p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Khatib Jumaat Ustaz Md Suhaimi Md Fauzi</p> <p>Tazkirah Pos Khutbah Ustaz Md Hamzah Hamid</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>	
<p>6 Ramadan</p> <p>11 Mei Sabtu</p> <p>Kuliah Tafsir Al-Al-Quran SS Mufti Ustaz Dr Fatris Bakaram Selepas Solat Subuh</p> <p>Kuliah Keluarga Muslimah Ustazah Suhanah Ahmad 9pg - 10.30pg</p> <p>Ceramah Maghrib Ustaz Fachruddin Dzaki Selepas Solat Maghrib</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>		<p>7 Ramadan</p> <p>12 Mei Ahad</p> <p>Kuliah Fajar Ustaz Mukhtar Habib Selepas Solat Subuh</p> <p>Kuliah Dhuha Ustaz Kamaruzzaman Affandi 8pg - 9pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>		<p>8 Ramadan</p> <p>13 Mei Isnin</p> <p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>		<p>9 Ramadan</p> <p>14 Mei Selasa</p> <p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>		<p>10 Ramadan</p> <p>15 Mei Rabu</p> <p>Kuliah Fiqh Wanita Ustazah Suhanah Ahmad 9pg - 10.30pg</p> <p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>	

Tarikh yang dilampirkan merujuk kepada kalendar MUIS 2019.

Jadual Ramadan

“Bulan Ramadan diturunkan padanya Al-Quran, sebagai petunjuk dan pembeza (di antara yang hak dan yang batil)”
Surah Al-Baqarah: Ayat 185



Ramadan 11 - 20

11 Ramadan	16 Mei Khamis	12 Ramadan	17 Mei Jumaat	13 Ramadan	18 Mei Sabtu	14 Ramadan	19 Mei Ahad	15 Ramadan	20 Mei Isnin
<p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>		<p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Khatib Jumaat Ustaz Dr Hannan Hasan</p> <p>Tazkirah Pos Khutbah Ustaz Md Fazli Naim</p> <p>NMC aLIVeXperienceCamp 17 - 18 Mei 2019 tinyurl.com/aLIVExpCamp</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>		<p>Kuliah Tafsir Al-Quran SS Mufti Ustaz Dr Fatris Bakaram Selepas Solat Subuh</p> <p>Kuliah Keluarga Muslimah Ustazah Suhanah Ahmad 9pg - 10.30pg</p> <p>Ceramah Maghrib Ustaz Faizuddin Fauzan Selepas Solat Maghrib</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>		<p>Kuliah Fajar Ustaz Mukhtar Habib Selepas Solat Subuh</p> <p>Kuliah Dhuha Ustazah Kalthom Md Isa 8pg - 9pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>		<p>Kuliah Fajar Cuti Umum Ustaz Md Kamal Mokhtar Selepas Solat Subuh</p> <p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>	
<p>16 Ramadan</p> <p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Ceramah Nuzul Al-Quran Ustaz Md Hanafie Md Yusoff Selepas Solat Maghrib</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>	21 Mei Selasa	<p>17 Ramadan</p> <p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>	22 Mei Rabu	<p>18 Ramadan</p> <p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>	23 Mei Khamis	<p>19 Ramadan</p> <p>Khatam Al-Quran Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Khatib Jumaat Ustaz Ghouse Khan Surattee</p> <p>Tazkirah Pos Khutbah Ustaz Md Safwan Ismani</p> <p>NMC Ramadan Youth Camp 24 - 26 Mei 2019</p> <p>Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>	24 Mei Jumaat	<p>20 Ramadan</p> <p>Qiyamullail</p> <p>Kuliah Tafsir Al-Quran SS Mufti Ustaz Dr Fatris Bakaram Selepas Solat Subuh</p> <p>Ceramah Maghrib Ustaz Saripi Rawi Selepas Solat Maghrib</p> <p>Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih</p>	25 Mei Sabtu

Tarikh yang dilampirkan merujuk kepada kalendar MUIS 2019.

Jadual Ramadan

Dari 'Aisyah R.A, berkata,
 "Rasulullah S.A.W ketika memasuki 10 Ramadan terakhir, beliau mengencangkan kainnya, menghidupkan malam-malam tersebut dengan ibadah, dan membangunkan keluarganya untuk beribadah."
 (Hadith Riwayat Bukhari & Muslim)



Ramadan 21 - 30

21 Ramadan	26 Mei Ahad	22 Ramadan	27 Mei Isnin	23 Ramadan	28 Mei Selasa	24 Ramadan	29 Mei Rabu	25 Ramadan	30 Mei Khamis
Qiyamullail Kuliah Fajar Ustaz Md Nuzhan Abdul Halim Selepas Solat Subuh Kuliah Dhuha Ustaz Mustazah Bahari 8pg - 9pg Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih		Qiyamullail Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih		Qiyamullail Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih		Qiyamullail Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih		Qiyamullail Tadarrus Muslimah 9pg - 11pg Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih Quran Hour	
Qiyamullail Khatib Jumaat Ustaz Md Mokhtar Habib Tazkirah Pos Khutbah Ustaz Md Hanafie Md Yusoff Night of Power Terbuka untuk umum di Masjid Sultan	31 Mei Jumaat	Qiyamullail Kuliah Tafsir Al-Quran SS Mufti Ustaz Dr Fatris Bakaram Selepas Solat Subuh Ceramah Maghrib Ustaz Hanzalah Mustafa Kamal Selepas Solat Maghrib Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih	1 Jun Sabtu	Qiyamullail Kuliah Fajar Ustaz Musa Hasy Selepas Solat Subuh Kuliah Dhuha Ustaz Irwan Hadi 8pg - 9pg Tadarrus Muslimin Selepas Solat Terawih	2 Jun Ahad	Qiyamullail Khatam Al-Quran Terawih Terawih Terakhir	3 Jun Isnin	Qiyamullail Iftar Terakhir Takbir Raya	4 Jun Selasa

Tarikh yang dilampirkan merujuk kepada kalendar MUIS 2019.

Jurnal Ramadan-ku

Bulan Ramadan adalah bulan diberkati dan mengandungi keistimewaan yang tidak terhingga banyaknya. Alangkah ruginya jika seseorang Muslim tidak mengisi Ramadan dengan amal ibadah dan tidak mengecapi fadilat yang disediakan Allah SWT bagi orang yang mengharapkan keredhaan-Nya.

Maka ia adalah penting untuk kita mengimbas kembali Ramadan yang lepas samada kita dapat laksanakan amal ibadah tersebut. Dapatkah kita laksanakannya sepanjang tahun? Dan apakah cabaran-cabarannya? Langkah-langkah peningkatan ini tidak perlu terlalu besar. Ia mungkin boleh dimulakan dengan perkara yang kecil seperti: Apakah tabiat kita yang kurang elok dapat kita kurangkan? Bersyukur dengan apa yang ada, melakukan perkara yang manfaat.

Terutama sekali, marilah kita cuba untuk meneruskan menanam nilai nilai murni ini selepas Ramadan juga. InsyaAllah ia akan membuat tahun ini lebih bermakna.



Matlamat Ramadan-ku

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

Muhasabah Diri-ku

Muhasabah Al-Quran



Amalan ku

Apa yang boleh diperbaiki Ramadan tahun ini

Imam & Bilal Terawih

Imam Terawih Huffaz



Ustaz Azahar Rosli
Al-Hafiz



Ustaz Hafiz Syafiq
Al-Hafiz



Ustaz Md Hanafie
Md Yusoff Al-Hafiz
Pegawai Agama Kanan,
Masjid Darul Makmur



Ustaz Huzaifah Abd
Raub Al-Hafiz



Ustaz Md Faqih
Al-Hafiz



Ustaz Sadid
Al-Hafiz



Qari Ahmed Ismail
EIDemerdash Ismail



Qari Md ElSherbini
Awad Ibrahim



Ustaz Qusairi Thaha
Al-Hafiz

Dari, Abu Hurairah R.A,
Rasulullah S.A.W bersabda :
"Bukanlah kekayaan itu kerana banyaknya harta,
akan tetapi kekayaan itu adalah kaya hati (jiwa)"
(Hadith Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Bilal Terawih



Hj Abdul Hadi
Md Amin



Sdr Ahmad Fairuzi
Roslan



Sdr Muhammad
Al-Faris



Hj Md Basyir
Mustafa



Sdr Md Zakir
Karany Zulkiflee



Sdr Reza Idani



Sdr Qamarul
Ridhuan Roslan

Nutrisi Iasmamu

Makanan secara sihat perlu dijadikan amalan setiap masa, tambahan pula pada bulan puasa. Ini penting untuk mengelakkan beberapa masalah kesihatan seperti sembelit, kembung perut atau kandungan gula rendah dalam darah. Sekiranya masalah ini berlaku, pastinya ia boleh mengganggu seseorang itu berpuasa dengan selesa dan menghayati fadhilat di bulan Ramadan.

Kami telah mengumpulkan beberapa tip untuk memastikan nutrisi yang mencukupi dan kesihatan yang berterusan semasa Ramadan.



Sentiasa terhidrasi

Minumlah sekurang-kurangnya 8 gelas air dari waktu iftar hingga sahur. Ini termasuk sup, susu dan jus buah-buahan. Jauhi makanan yang mengandungi banyak garam dan minyak yang tinggi.



Dapatkan rehat secukupnya

Tambahan lagi pada bulan Ramadan kita harus bangun pada waktu Sahur. Pastikan kita sentiasa berada di tempat yang sejuk pada waktu terpanas untuk mengelakkan dehidrasi dan ke dahagaan. Pada masa yang sama, janganlah tidur seurus selepas iftar mahupun Sahur. Berikan badan anda masa untuk mencerna makanan.



Makanlah secara sederhana

Mulakan dengan kurma untuk dapatkan tenaga penuh diikuti dengan buah-buahan atau susu. Makanlah makanan yang mengandungi karbohidrat kompleks dan makanan yang penuh dengan serat kerana ia akan mencerna dengan perlahan dan melepaskan tenaga sepanjang hari. Jangan lupa makan banyak sayur-sayuran.



Bersenaman

Berpuasa bukanlah suatu alasan untuk kita berhenti bersenam. Tidak semestinya kita harus mengikuti aktiviti yang melelahkan, kita juga boleh melakukan senaman ringan seperti yoga atau sekurang-kurangnya berjalan kaki.

Tahukah anda?

Bukan Kurma sahaja yang baik untuk diri anda di bulan Ramadan, ada empat lagi jenis makanan yang digalakkan juga untuk dimakan, baik untuk pencernaan dan mampu memberikan asupan tenaga baik, dalam bulan Ramadan.



Nasi Merah

Ia lebih baik daripada nasi putih sebagai pilihan menu, terutama jika dimakan dengan daging atau ikan. Padi merah akan merangsang pencernaan dan mengimbangi tahap gula darah.



Kacang-kacang

Ia mengandungi kolesterol rendah dan baik untuk pencernaan. Kerana campuran serat dan karbohidrat kompleks, kacang adalah baik kerana perlahan-lahan dicerna oleh badan supaya anda tidak merasa lapar semasa puasa dan gula darah tetap stabil.



Pisang

Ia sangat mudah dicerna oleh pencernaan. Enzim dalam pisang boleh meningkatkan proses pencernaan, meningkatkan tenaga dan meningkatkan kerja usus.



Labu

Ia mengandungi 97 peratus kandungan air yang membuat tubuh kita terhidrasi dengan baik. Selain rasanya yang sedap, ia juga makanan yang berkhasiat untuk kita.

Iftar di Masjid Darul Makmur akan menyediakan makanan sihat sepanjang Ramadan. InsyaAllah nasi yang disajikan mengandungi 20% dari beras merah dan 80% dari beras biasa.



Program Umum

Khatib Jumaat & Tazkirah Pos Khutbah

10 Mei, 1.03 petang

Khatib: **Ustaz Md Suhaimi Md Fauzi** Tazkirah: **Ustaz Md Hamzah Hamid**

17 Mei, 1.03 petang

Khatib: **Ustaz Dr Hannan Hasan** Tazkirah: **Ustaz Md Fazli Naim**

24 Mei, 1.03 petang

Khatib: **Ustaz Ghouse Khan Surattee** Tazkirah: **Ustaz Md Safwan Ismani**

31 Mei, 1.04 petang

Khatib: **Ustaz Md Mokhtar Habib** Tazkirah: **Ustaz Md Hanafie Md Yusoff**

Program Khas

Kuliah Subuh Cuti Umum

Ustaz Md Kamal Mokhtar

20 Mei, Isnin

"Budaya Toleransi Untuk Kesejahteraan Hidup"

Qiyamullail

11 hari terakhir bulan Ramadan

21 - 30 Ramadan, bermula jam 4 pagi

*Sahur akan disediakan pada jam 5 pagi

Ceramah Nuzul Al-Quran

Ustaz Md Hanafie Md Yusoff

21 Mei, Selasa, Selepas Solat Maghrib

"Syafaat Al-Quran"

Night of Power

31 Mei - 1 Jun 2019

Anjuran Majlis Ugama Islam Singapura

Forum & Qiyamullail di Masjid Sultan

Terbuka untuk Umum



Program Khas Sabtu

Kuliah Tafsir Al-Quran

SS Mufti Ustaz Dr Fatris Bakaram

Selepas Solat Subuh

*Sahur akan disediakan pada jam 5 pagi

Ceramah Maghrib (Sabtu)

11 Mei, Ustaz Fachruddin Dzaki

"Menjadi Jiran Yang Harmoni"

18 Mei, Ustaz Faizuddin Fauzan

"Nilai Murni Hidup Bermasyarakat"

25 Mei, Ustaz Saripi Rawi

"Pembaziran Dihindari Hidup Diberkati"

1 Jun, Ustaz Hanzalah Mustafa Kamal

"Puasa & Jiwa Yang Bertaqwa"

Program Khas Ahad

Kuliah Subuh Ahad

Tema: "Bersosial dan Anti-Sosial dalam Islam"

12 Mei, Ustaz Md Mukhtar Habib

"Panduan Rasulullah S.A.W Terhadap Penyakit Mental"

19 Mei, Ustaz Md Mukhtar Habib

"Adakah Muslim Itu Bersifat Anti-Sosial"

26 Mei, Ustaz Md Nuzhan Abdul Halim

"Mengurus Tekanan Hidup Berpandukan Islam"

2 Jun, Ustaz Musa Hasy

"Tuntutan Agama Dalam Mengurus Harta"

*Sahur akan disediakan pada jam 5 pagi



Dari Abu Hurairah R.A, Rasulullah S.A.W bersabda, "Apabila seseorang kamu berpuasa, janganlah dia bercakap perkara yang sia-sia, dilarang juga bertengkar dan memaki hamun. Jikalau dia dimaki hamun oleh seseorang atau pun diajak bermusuhan, maka hendaklah dia berkata, "Sesungguhnya aku berpuasa"."
(Hadith Riwayat Bukhari & Muslim)

Program Al-Quran

Tadarrus Al-Quran

Muslimin

Setiap hari selepas Solat Terawih

Muslimah

Setiap Isnin - Jumaat, 9 pagi - 11 pagi

Pengajaran Ayat Solat Terawih

Bilal bertugas

Sebelum Solat Terawih

Majlis Khatam Al-Quran

Khatam Al-Quran Terawih

29 Ramadan, Selepas Terawih

Khataman Muslimah

24 Mei, Jumaat, 9 pagi - 11 pagi



Program Madrasah

NMC aLIVeExperienceCamp

17 & 18 Mei, Jumaat & Sabtu

Belia berumur 12 tahun hingga 16 tahun

Pembayaran \$25 seorang

Di Masjid An-Nur

Aktiviti termasuk: Qiyamullail, Archery Tag, Quranic Hour dan lain-lain.

Bagi belia yang berminat, sila daftar dan membuat bayaran di Kaunter Khidmat

Masjid Darul Makmur, Aras 2, atau melalui laman: tinyurl.com/aLIVExpCamp

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi aLIVE Madrasah di talian 6852 8366.

Program Tadika

Ramadan Show and Tell

Kanak-kanak tadika akan membawa pulang diari Ramadan. Mereka akan diberikan tugas untuk mencatat pengalaman mereka berpuasa. Dua kali seminggu, mereka akan berpeluang untuk berkongsi kegembiraan dan pengalaman tersebut kepada teman-teman di kelas.

PERTAPIS Ziarah Muhibbah

Kanak-kanak tadika akan menziarahi warga tua di PERTAPIS. Mereka diberikan peluang merasai pengalaman menolong warga tua dengan diberikan tugas ringan seperti meyapu, membawa makanan kepada penduduk PERTAPIS dan sebagainya.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Tadika di talian 6852 8367.

“Bersyukurlah kepada Allah!

Dan barangsiapa bersyukur (kepada Allah), maka sesungguhnya dia bersyukur untuk dirinya sendiri; dan barangsiapa tidak bersyukur (kufur), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya, Maha Terpuji.”

Surah Luqman 31:12

Program Belia

Ramadan Youth Camp (North Mosque Cluster)

24 Mei - 26 Mei, Jumaat - Ahad

Masjid An-Nur

*Maklumat lanjut akan diadakan pada waktu terdekat, sila Like & Follow Facebook atau Instagram kami: @damayouths & @darulmakmur.mosque.

Ramadan Al-Quran Recitation (RQR)

Setiap hari sebelum Azan Maghrib, di bulan Ramadan

Tonton video bacaan Al-Quran oleh Belia & Muslimah Masjid Darul Makmur, di Facebook atau Instagram: @damayouths & @darulmakmur.mosque

Iftar Bersama Anak-Anak Rumah Tumpangan

Para Belia mewakili sumbangan para Jemaah untuk diberikan kepada anak-anak rumah tumpangan, serta menyediakan jamuan iftar dan pelbagai lagi aktiviti untuk mereka.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ustaz Fazli di talian 6852 8350.

Khidmat Ramadan

Sahur

Diagihkan setiap Sabtu, Ahad & 11 hari terakhir Ramadan (25 Mei - 4 Jun), jam 5 pagi.

Bubur

Aras 1, Masjid Darul Makmur*

Diagihkan setiap hari di bulan Ramadan, selepas Solat Zuhur

Anjuran MAEC Kelab Masyarakat Nee Soon East*

Diagihkan pada setiap Sabtu & Ahad untuk 3 minggu pertama bulan Ramadan bermula jam 4 petang

Anjuran MAEC Kelab Masyarakat Chong Pang - Kolong Blok 137, Yishun Ring Road*

Diagihkan pada setiap Sabtu & Ahad untuk 3 minggu pertama bulan Ramadan bermula jam 2 petang

Anjuran MAEC Kelab Masyarakat Nee Soon Central - Kolong Blok 657, Yishun Ave 4*

Diagihkan pada setiap Sabtu & Ahad untuk 3 minggu pertama bulan Ramadan bermula jam 2 petang

**Selagi stok masih ada*

Iftar

Disajikan setiap hari di Masjid Darul Makmur.

Sumbangan Juadah

Kami sedia menerima sumbangan dari para jemaah untuk dikongsi bersama sewaktu Sahur, Iftar atau selepas solat Terawih. Sila berikan juadah tersebut kepada pegawai Masjid yang bertugas.



I'tikaf

Dewan solat utama Masjid Darul Makmur akan dibuka sepanjang waktu untuk semua para jemaah beri'tikaf. Sila menjaga kebersihan, Masjid adalah tanggungjawab kita bersama.

Tempat tertentu akan disediakan untuk Jemaah berehat.

Solat Terawih

Masjid Darul Makmur

20 Rakaat Terawih + 3 Rakaat Witir - Khatam Al-Quran

Di Kejiranan Yishun

Solat Isyak & Terawih berjemaah akan diadakan di kolong Blok 607 Yishun St 61, anjuran kumpulan Qaryah Jawatankuasa Muhibbah

Waktu Pembayaran ZAKAT

Zakat Fitrah

Isnin - Ahad: 10 pagi - 6 petang, Selepas Solat Terawih hingga 10.30 malam

*Kaunter akan ditutup pada waktu Solat Fardhu

Kaunter Zakat Fitrah diadakan di depan Pejabat Masjid, Aras 2, pembayaran Zakat Fitrah di terima secara *TUNAI* sahaja.

Zakat Fitrah akan dipungut hingga 30 Ramadan sahaja, kaunter tidak dibuka pada Pagi Raya.

Zakat Harta

Isnin - Sabtu: 9 pagi - 4.30 petang

Ahad: 10 pagi - 2 petang

*Kaunter akan ditutup pada waktu Solat Fardhu

Kaunter Zakat Harta di Kaunter Khidmat Jemaah, Aras 2, pembayaran secara *TUNAI*, *NETS*, atau *CEK*.

Waktu Pembukaan Kaunter Khidmat

Isnin - Sabtu: 8.30 pagi - 4.30 petang

Ahad: 8.30 pagi - 2.30 petang

*Kaunter Khidmat Jemaah akan ditutup pada waktu Solat Fardhu

Dari Zaid Bin Khalid, Rasulullah S.A.W bersabda:

"Siapa yang memberi makan orang berpuasa maka baginya pahala seumpamanya tanpa sedikitpun kurang pahala orang berpuasa."

(Hadith Riwayat At-Tarmizi)

Memori Ramadan 1439H



Solat Eidul Fitri

Masjid Darul Makmur

Bermula jam 8 pagi

Khatib: **Ustaz Md Hanafie Md Yusoff**

Bilal: **Sdr Muhammad Al-Faris Noor Azman**



Kawasan Lapang Blok 327 Yishun Ring Road

Bermula jam 8 pagi

Khatib: **Ustaz Zulkiflee Bachik**

Bilal: **Hj Abdul Hadi Md Amin**



Kolong Blok 610 Yishun St 61

Bermula jam 8.15 pagi

Khatib: **Ustaz Ruhaizan Abdullah**

Bilal: **Hj Zainor Buang**



Jemaah diingatkan supaya datang dalam keadaan berwudhu dan bawa sejadah masing-masing.

**Dari Abu Ayyub Al Anshari R.A, Rasulullah S.A.W bersabda,
"Barangsiapa yang berpuasa bulan Ramadan lalu berpuasa enam hari
dari bulan Syawal, maka seakan-akan dia telah
berpuasa setahun penuh."**

(Hadith Riwayat Muslim)




Tajaan Ramadan

Anggaran kos perbelanjaan projek Ramadan untuk tahun ini ialah sebanyak **\$198,000.00**.

Berikut adalah pecahan kepada kos perbelanjaan:

- **Logistik & Utiliti** : \$ 45, 000.00
(Kos Plastik, Utiliti dan lain-lain keperluan)
- **Program Dakwah & Pembangunan Sosial** : \$ 43, 000. 00
(Kos Habuan Penceramah, Qari, Imam/Bilal & Program Tambahan Ramadan)
- **Program aLIVE & Tadika** : \$ 1, 500. 00
(Kos Program Aktiviti Kelas aLIVE & Tadika)
- **Pentadbiran & Perkhidmatan** : \$ 12, 500. 00
(Kos Publisiti & Khidmat Jemaah dan lain-lain)
- **Jamuan**
- Bubur : \$ 35, 000.00
- Iftar : \$ 53, 000.00
- Sahur : \$ 8, 000.00



Kami dahulukan dengan ucapan *Jazakumullah Khairan* dan terima kasih atas sokongan & sumbangan yang telah diberikan selama ini. Kami menerima segala jumlah sumbangan untuk dana Ramadan tahun ini untuk menampung butiran yang tertakluk. Sumbangan tajaan & derma anda boleh dibuat melalui Tunai, NETS, Cek (atas nama 'Masjid Darul Makmur'), terus ke tabung Ramadan kami yang ada di Masjid, atau melalui QR Code.

Harap maklum, jika ada kelebihan dari Dana Ramadan yang terkumpul, ia akan disalurkan ke Dana Am Masjid.



Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)
Licence No. 016/19
Expiry Date: 31 Dec 2019

Dana Wakaf Khas

Projek Naik Taraf

Dengan kewujudan estet-estet perumahan baru yang kian membangun pesat di kejiranan Yishun, Masjid Darul Makmur - yang kini berusia 32 tahun - tidak lagi mampu untuk menampung kehadiran jemaah seperti Solat Jumaat dan juga bilangan pelajar yang semakin meningkat saban tahun dengan ruangan yang terhad setakat ini. Dengan itu, InsyaAllah, kerja-kerja peningkatan sedang dirancang dan akan bermula pada hujung tahun 2019 ini. Kami menyeru kepada para jemaah sekalian untuk menyumbang kepada Dana Wakaf Khas, Projek Naik Taraf Masjid seperti berikut.

PERKARA	Pewakaf Diperlukan /Donors Needed	Jumlah setiap lot/ Amount per lot	ITEMS
Wakaf Dewan Solat (Ruang I'tikaf)	1000	\$2000	Main Prayer Hall
Wakaf Batu Bata	1000	\$1000	Bricks
Wakaf Cerucuk	1000	\$1000	Piling
Wakaf Lif	2000	\$500	Lift
Wakaf Mimbar	100	\$300	Pulpit
Wakaf Prasarana	500	\$100	Infrastructure
Wakaf Karpit	1000	\$100	Carpet

Upgrading Project

Darul Makmur Mosque was built 32 years ago. The infrastructure can no longer accommodate to the increasing congregations, especially during our Friday and Hari Raya Prayers. This has been foreseeable with the rise of new residential estates in the Yishun neighborhood. We also have been facing insufficient learning space and classrooms to cater for our growing number of students and demands. InsyaAllah, our mosque upgrading has been slated to commence in the 4th Quarter of 2019. We sincerely call for all Jemaahs to help us realise our project by contributing to our Special Wakaf Fund, Mosque Upgrading Project as showed above.



Sehadar Renungan



Ustaz Md Hanafie Md Yusoff
Pegawai Agama Kanan, Masjid Darul Makmur

Tetamu agung akan kembali mengunjungi kita. Kehadirannya hanya sekali dalam setahun menumbuhkan kerinduan mendalam di hati umat Islam.

Itulah Ramadan, yang kemuliaanya diabadikan dalam Al-Quran. Allah S.W.T menjadikan bulan ini penuh dengan kebaikan, mulai dari awal Ramadan hingga ke akhirnya.

Marilah kita mengambil kesempatan kehadiran bulan Ramadan ini untuk kita mewujudkan suasana rahmah dan kebaikan dengan mencontohi baginda S.A.W.

Rasulullah S.A.W dikenali dengan sifat pemurah - suka menghulurkan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan, lebih-lebih lagi dalam Ramadan. Dalam hubungan dengan masyarakat pula, sifat rahmah Nabi S.A.W jelas dilihat melalui interaksi Baginda S.A.W dengan sesiapa sahaja dan juga akhlaknya terhadap mereka yang memusuhinya. Sifat rahmah ini terpancar dalam kehidupan Rasulullah S.A.W keseluruhannya.

Sebagai peringatan bersama, adalah menjadi tanggungjawab ketua keluarga, ataupun sebagai ahli keluarga agar saling mengingatkan antara satu sama lain dari sebarang perkara yang boleh menjerumuskan diri dari melakukan perkara yang dilarang agama. Budaya menghidupkan amalan-amalan yang baik harus ditekankan khususnya pada Ramadan ini.

Ayuh, dalam semangat menyebarkan rahmah, usahakanlah memperkenalkan amalan dan budaya murni Islam, agar ianya menjadi sebab kebaikan dan hidayah kepada yang lain.

Selamat menjalani ibadah puasa semoga setiap amal perbuatan kita diterima dan diberkati oleh Allah S.W.T.

Siapakah Dia Orang Yang Rugi Di Akhirat

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda: "**Tahukah kamu siapakah orang yang muflis itu?**"

Sahabat menjawab: "**Orang yang muflis di kalangan kami ialah seseorang yang tidak memiliki dirham (wang) dan juga tidak memiliki harta.**"

Lalu Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

"Sebenarnya orang yang muflis dari kalangan umatku ialah seseorang yang datang pada hari qiamat dengan membawa pahala sembahyang, puasa dan zakat, tetapi (dahulunya sewaktu di dunia) ia pernah mencaci maki si fulan, menuduh si fulan, memakan harta si fulan, menumpahkan darah si fulan, dan pernah memukul si fulan. Maka akan diberikan kepada orang yang teraniaya itu daripada pahala kebaikan orang tadi dan begitu pula seterusnya terhadap orang lain yang pernah teraniaya, ia akan diberikan pula daripada pahala kebaikan orang tadi, sehingga apabila telah habis pahalanya sedangkan bebanan dosa penganiayaannya belum lagi dijelaskan (belum dapat dibayar semua), maka akan diambil daripada kesalahan orang yang teraniaya itu lalu dibebankan kepada orang tersebut, maka selanjutnya orang itu akan dicampakkan ke dalam api neraka."

(Sahih Muslim)



Imsakiah Ramadan 1440H



رمضان هـ 1440	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	2019
1	5 26	5 36	6 57	1 03	4 23	7 08	8 19	06 MEI
2	5 26	5 36	6 57	1 03	4 24	7 08	8 19	07 MEI
3	5 26	5 36	6 57	1 03	4 24	7 08	8 19	08 MEI
4	5 26	5 36	6 57	1 03	4 24	7 08	8 19	09 MEI
5	5 26	5 36	6 57	1 03	4 24	7 08	8 19	10 MEI
6	5 25	5 35	6 56	1 03	4 24	7 08	8 19	11 MEI
7	5 25	5 35	6 56	1 03	4 24	7 08	8 19	12 MEI
8	5 25	5 35	6 56	1 03	4 25	7 08	8 20	13 MEI
9	5 25	5 35	6 56	1 03	4 25	7 08	8 20	14 MEI
10	5 25	5 35	6 56	1 03	4 25	7 08	8 20	15 MEI
11	5 25	5 35	6 56	1 03	4 25	7 08	8 20	16 MEI
12	5 25	5 35	6 56	1 03	4 25	7 08	8 20	17 MEI
13	5 25	5 35	6 56	1 03	4 26	7 08	8 20	18 MEI
14	5 24	5 34	6 56	1 03	4 26	7 08	8 20	19 MEI
15	5 24	5 34	6 56	1 03	4 26	7 08	8 21	20 MEI
16	5 24	5 34	6 56	1 03	4 26	7 08	8 21	21 MEI
17	5 24	5 34	6 56	1 03	4 26	7 08	8 21	22 MEI
18	5 24	5 34	6 57	1 03	4 27	7 09	8 21	23 MEI
19	5 24	5 34	6 57	1 03	4 27	7 09	8 21	24 MEI
20	5 24	5 34	6 57	1 03	4 27	7 09	8 22	25 MEI
21	5 24	5 34	6 57	1 03	4 27	7 09	8 22	26 MEI
22	5 24	5 34	6 57	1 04	4 28	7 09	8 22	27 MEI
23	5 24	5 34	6 57	1 04	4 28	7 09	8 22	28 MEI
24	5 24	5 34	6 57	1 04	4 28	7 09	8 23	29 MEI
25	5 24	5 34	6 57	1 04	4 28	7 09	8 23	30 MEI
26	5 24	5 34	6 57	1 04	4 28	7 10	8 23	31 MEI
27	5 24	5 34	6 57	1 04	4 29	7 10	8 23	01 JUN
28	5 24	5 34	6 58	1 04	4 29	7 10	8 24	02 JUN
29	5 24	5 34	6 58	1 05	4 29	7 10	8 24	03 JUN
30	5 24	5 34	6 58	1 05	4 29	7 10	8 24	04 JUN

Puasa adalah ibadah yang memupuk kesuburan rohani dan jasmani.
 Latihan bagi diri dan jiwa untuk melentur nafsu agar tidak melampaui batas.
 Ramadan adalah bulan anugerah Ilahi bagi orang yang ingin mendapatkan anugerah ini.
 Rugilah bagi mereka yang tidak menyanjung kesempatan untuk mendapatkan kurniaan ini.



T: 6752 1402

f @ @darulmakmur.mosque

950 Yishun Ave 2, Singapore 769099

korporat@darulmakmur.mosque.org.sg

